



# Mahasiswa SPE berdialog dengan SPKAL

UB 29-03-2012 B12

LABUAN: Seramai 55 mahasiswa dan mahasiswi dari Kelab Finec, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu telah mengadakan lawatan industri ilmiah dan jalinan kemasyarakatan ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Rombongan SPE itu yang diketuai oleh Ajizan BW Julharun dan diiringi oleh Pensyarah SPE, Ahmad Mosfi Mahmood telah melawat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada 22 Mac yang lalu.

---

**MAHASISWA Sekolah Perniagaan Ekonomi bergambar kenangan dengan mahasiswa Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan di UMS-KAL pada 22 Mac lalu.**

Mahasiswa (SPE) telah mengadakan dialog dengan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) yang bertajuk "Is Economic Transformation Programme (ETP) is an effective policy to promote economic growth in Malaysia?" di Dewan Theatre.

Panel-panel telah memberi komen tentang keberkesanan Program Transformasi Ekonomi dan bertukar pendapat tentang isu-isu berkaitan.

Menurut Ahmad Mosfi, para panel telah membincangkan tajuk berkenaan secara ringkas dan berharap panel akan menampilkan prestasi yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

Turut hadir Penyelaras Persatuan Mahasiswa Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Ricky Chia Chee Jiun.